

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai Insurans Tanggung Rugi Profesional Lebihan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh:

1

Apa itu Insurans Tanggung Rugi Profesional Lebihan?

Insurans Tanggung Rugi Profesional Lebihan melindungi para peguam melebihi insurans indemniti profesional yang diwajibkan oleh Majlis Peguam Malaysia (iaitu polisi asas). Disebabkan insurans indemniti profesional yang diwajibkan hanya terpakai bagi para peguam di Malaysia Barat Sahaja, polisi ini juga terpakai untuk para peguam di Malaysia Barat sahaja.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran RM1,500.00 setahun, anda menerima perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
<ul style="list-style-type: none"> • Ganti rugi untuk sebarang tuntutan yang dibuat terhadap anda semasa tempoh insurans berhubung dengan sebarang liabiliti awam yang ditanggung dalam pelaksanaan profesion oleh firma guaman anda, asalkan: <ul style="list-style-type: none"> ○ tiada liabiliti di bawah polisi ini untuk tuntutan bagi sebarang tindakan, ralat atau ketinggalan yang berlaku atau dikatakan dibuat sebelum Tarikh Retroaktif yang dinyatakan di dalam jadual Polisi; ○ ganti rugi tersebut melebihi deduktibel yang dinyatakan di dalam jadual Polisi; dan ○ ganti rugi tersebut tidak melebihi had indemniti yang dinyatakan di dalam jadual Polisi. • Kos dan perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan pembelaan dan/atau penyelesaian tuntutan yang dibawa terhadap anda ("Kos Pembelaan"), asalkan bayaran ganti rugi melebihi had indemniti polisi asas telah dibuat untuk menyelesaikan tuntutan. • Allianz akan menyumbang kepada Kos Pembelaan secara berkadar terus dengan bayaran bahagian kami berbanding dengan jumlah ganti rugi yang perlu dibayar, tertakluk sentiasa kepada had indemniti yang dinyatakan di dalam jadual Polisi. 	<p>Keadaan berikut yang dikecualikan secara jelas di bawah polisi asas:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Liabiliti yang mana anda dilindungi di bawah polisi lain • Tuntutan yang timbul daripada keadaan yang diberitahu atau diketahui oleh anda sebelum polisi asas bermula • Liability yang timbul daripada salah laku anda • Tuntutan berhubung dengan sebarang perjanjian kewangan peribadi yang diberikan selain jika diberikan atas niat baik (<i>good faith</i>) atau diperlukan oleh undang-undang • Kecederaan anggota badan atau kerosakan harta (kecuali jika harta tersebut adalah di bawah jagaan dan kawalan anda) • Pelanggaran anda bagi mana-mana kontrak pekerjaan • Penamatan salah atau dakwaan pelanggaran anda bagi mana-mana kontrak untuk pembeklana perkhidmatan atau barangan • Hutang perdagangan • Sebarang waranti atau jaminan yang dibagi berhubung dengan pulangan kewangan atas pelaburan • Liabiliti yang timbul akibat perang, pencerobohan, perang saudara, pemberontakan, revolusi atau aktiviti pengganas • Sebarang tuntutan yang berhubung dengan lantikan anda sebagai pengarah atau pegawai (kecuali sebagai setiausaha syarikat) bagi sesebuah syarikat • Denda dan penalti yang dikenakan oleh undang-undang

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Tempoh perlindungan adalah setahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Tanggung Rugi Professional Lebihan kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
<https://www.allianz.com.my/PIExcess>



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
diatas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan Allianz.

Untuk tujuan ilustrasi, andaikan anda adalah firma guaman dengan yuran professional tahunan sebanyak RM1,000,000, dengan had indemniti RM1,000,000 untuk mana-mana satu kejadian dan secara agregat melebihi RM300,000 iaitu had limit di bawah insurans indemniti profesional yang diwajibkan oleh Majlis Peguam Malaysia, premium yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Perlindungan Asas	RM1,500.00
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada premium atau RM375.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM120.00
Duti Setem	RM10.00

* Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

4 Maklumat Penting Yang Anda Patut Tahu

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak bagi kontrak insurans bukan pengguna (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Anda mesti memberi Allianz borang permohonan yang telah dilengkapkan, ditandatangani dan bertarikh serta borang cadangan Majlis Peguam (bagi insurans indemniti profesional yang wajib) untuk penilaian kami.
- Anda mesti memastikan had liabiliti anda adalah memadai untuk melindungi pendedahan risiko anda.
- Anda mesti mengisytiharkan anggaran yuran tahunan kasar yang tepat dan pengalaman tuntutan anda
- Syarat Polisi Asas – Anda harus mengekalkan insurans indemniti profesional wajib yang diperlukan oleh Majlis Peguam Malaysia bagi seluruh tempoh insurans polisi insurans Tanggung Rugi Profesional Lebihan ini.
- Syarat Tarikh Retroaktif – Apabila tarikh retroaktif dinyatakan di dalam jadual Polisi, insurans ini tidak akan terpakai ke atas tuntutan yang dibuat terhadap anda disebabkan sebarang tindakan, ralat atau ketinggalan yang dilakukan atau dikatakan dibuat sebelum Tarikh Retroaktif itu.
- Waranti Premium – Premium perlu dibayar dan diterima oleh Allianz dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi insurans. Jika tidak, polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata 60 hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari kepada Allianz. Jika polisi ini dibatalkan, premium yang diperolehi akan dihitung secara pro-rata. Pelarasan premium boleh dibuat sama ada pada masa pembatalan dikuatkuasakan atau secepat mungkin selepas pembatalan berkuatkuasa, tetapi bayaran premium yang tidak diperolehi bukan sebuah syarat pembatalan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).